

25 FEB 1997

Jenayah-Remaja (Fokus Berita)

KES JENAYAH REMAJA MENINGKAT SETIAP TAHUN

Oleh: Abdul Aziz Harun

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Kejadian pembunuhan pelajar yang hanya berpunca daripada peras ugut mendapatkan RM5, memulakan pembongkaran polis terhadap pekung di dada masyarakat satu persatu dengan penahanan pelajar sekolah yang dikaitkan dengan gejala dadah, peras ugut, kongsi gelap dan pembunuhan.

Sehingga kini lebih seratus pelajar ditahan di Johor, Pahang dan Melaka kerana terbabit dengan gejala tidak sihat ini termasuk pelajar perempuan.

Sebenarnya jenayah di kalangan remaja telah lama wujud dalam negara ini dan meningkat dari setahun ke setahun, tetapi hanya mula menjadi tumpuan ramai dengan kematian Zulkarnain Abdul Rahim, 14, pelajar Sekolah Menengah Datuk Abdul Rahman Yasin, Tampoi berhubung kes peras ugut awal tahun ini.

Berikutan kejadian itu 10 pelajar dari sekolah yang sama ditahan polis untuk siasatan dan bertolak dari itu masyarakat dan kini kerajaan tidak lagi dapat menutup sebelah mata masalah serius pembabitian pelajar yang terbabit dengan kes kongsi gelap dan jenayah berat yang lain.

Menurut perangkaan Ibupejabat Polis Bukit Aman, tahun lepas sebanyak 4,601 remaja berumur bawah 18 tahun telah ditangkap kerana terbabit dalam 2,820 kesalahan jenayah termasuk kes bunuh, pecah rumah, samun dan dadah.

Pegawai Perhubungan Awam Bukit Aman, Ketua Insp Rasdi Ramli berkata 173 daripada mereka terdiri daripada pelajar berumur antara 10 dan 12 tahun.

Tahun lepas juga 22 remaja ditahan kerana disyaki terbabit dengan kes bunuh, curi kenderaan (526), samun malam hari (370), curi harta benda siang hari (351), lain-lain curi (318), lain-lain kes jenayah (315), bersabit dengan dadah (134), pecah rumah siang hari (131) serta lain-lain kes jenayah seperti rogol, senjata api, rompak dan pelbagai lagi yang berjumlah kurang daripada 100 pelajar.

Namun apa yang membimbangkan daripada perangkaan ini ialah 2,831 remaja lelaki dan 59 remaja perempuan yang ditahan itu merupakan remaja berbangsa Melayu.

Jumlah yang ditangkap tahun lepas juga meningkat berbanding tahun sebelumnya, 4,192 kerana terbabit dengan 2,573 kes dan 3,247 tangkapan berhubung 2,084 kes pada tahun 1994.

Katanya jumlah remaja Melayu mencatatkan pembabitian tertinggi dalam ketiga-tiga tahun yang disebut iaitu 2,890 daripada 4,601 tangkapan pada tahun lepas, 2,402 daripada 4,192 tangkapan pada tahun 1995 dan 1,862 daripada 3,247 tangkapan pada tahun 1994.

Rasdi berkata Johor mencatatkan jumlah tangkapan tertinggi para remaja yang terbabit dengan jenayah pada tahun lepas iaitu sebanyak 739, diikuti Kedah (591), Selangor (544) dan Melaka sebanyak 443.

Sementara itu menurut Pengarah Jabatan Narkotik, Datuk Salleh Mat Som sehingga Sept 1996, sebanyak 544 remaja berumur bawah 18 tahun ditangkap (91 orang berumur antara 13 dan 15 tahun) kerana disyaki penagih dadah manakala sepanjang tahun 1995 sebanyak 666 ditangkap.

Beliau percaya jumlah yang terlibat lebih tinggi kerana ia tidak mengambilkira beberapa kes yang membabitkan jabatan lain.

Remaja yang ditahan kerana terbabit sebagai pengedar pula 53 orang berbanding 40 orang tahun sebelumnya.

Hakikat daripada inilah kebimbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap masalah sosial pelajar ini jelas berasas dan masyarakat sendiri harus mengakuinya dan bersama membantu membanterasnya segera.

Harus diingat bahawa gejala lepak, bohsia, budaya punk dan kini tumpuan dialih kepada masalah yang lebih serius - jenayah - jika dibiarkan tanpa dibendung akan hanya meranapkan harapan untuk melihat golongan remaja ini, menjadi belia tunggak dan harapan mengisi visi menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020. -- BERNAMA

AZH RON